

Bah

Mahathir - Agama

TONJOLKAN LEBIH BANYAK PERSAMAAN ANTARA AGAMA, KATA PM

I

KUALA LUMPUR, 13 Sept (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata analisis perbandingan antara agama-agama utama di dunia perlu menonjolkan lebih banyak persamaan daripada perbezaan.

Ini kerana semua agama utama di dunia menggalakkan kebaikan dan menolak perkara-perkara yang membawa kepada kebencian dan kehancuran, katanya dalam perutusan dalam buku cendermata seminar mengenai Peranan dan Pengaruh Agama Dalam Masyarakat yang bermula di sini hari ini.

Seminar selama empat hari itu anjuran bersama Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) dan Goethe Institute, dirasmikan oleh Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Ahmad Sarji Abdul Hamid dan dihadiri lebih 120 peserta.

Perdana Menteri juga melahirkan harapan agar usaha bersungguh-sungguh dibuat untuk mengenalpasti lebih banyak persamaan sementara tumpuan diberikan kepada perkara-perkara yang boleh menggagalkan pencapaian ke arah keamanan dan persefahaman dunia "yang diimpikan oleh kita semua."

Beliau dijadualkan menyampaikan ucapan dasarnya di seminar itu esok. Dalam ucapannya, Ahmad Sarji berkata walaupun wujud perbezaan antara agama Islam dan Kristian, "kadang-kala kita lihat perbezaan besar antara kedua-duanya." -- Lagi

▼13/09/18-08MST

R GB 13-09 00171 BB042

Bah

Mahathir - Agama 2 (Akhir) Kuala Lumpur

Perbezaan-perbezaan itu, katanya, bukan sahaja dari segi tingkah-laku terhadap satu sama lain tetapi dari segi layanan terhadap satu sama lain.

"Islam merupakan agama pertama yang menjadikan amalan hidup rukun damai sebagai asas kehidupan bersama," katanya.

Ahmad Sarji berkata mengikut Islam, tidak ada paksaan dalam perkara-perkara berkaitan kepercayaan dan ia adalah soal hati dan fikiran.

Ketua Pengarah IKIM, Datuk Dr Ismail Ibrahim pula dalam ucapannya berkata dalam dunia moden kini dunia menyaksikan kebangkitan semula pentingnya agama dalam masyarakat.

Peningkatan kesedaran keagamaan di dunia, katanya merupakan hakikat kehidupan sosial di akhir abad ke-20 ini.

"Masyarakat yang runtuh moral akibat kekosongan rohaniah tidak ada pilihan lain melainkan kembali kepada ajaran Tuhan dalam mencari kebenaran untuk memimpin masyarakat manusia".

Pengarah Goethe Institute Kuala Lumpur, Dr Matthias Rick berkata seminar itu tidak bertujuan untuk membuat perbandingan antara Islam dan Kristian tetapi ia khusus menumpukan kepada pengaruh keagamaan dalam masyarakat. -- Bernama

MSZ OA

▼13/09/18-10MST